

(PLURALISME AGAMA: SEJARAH DAN KEPERIHALAN SEMASA)

**DARI KEPELBAGAIAN AGAMA KEPADA PLURALISME AGAMA:
SEJARAH PERKEMBANGAN**

Haslina Ibrahim
Jabatan Usuluddin & Perbandingan Agama
Kulliyah Ilmu Wahyu & Sains Kemanusiaan (KIRKHS)
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM)
haslina@iium.edu.my

ABSTRAK

Dua sebab utama yang berkait-rapat mencetuskan falsafah pluralisme agama ialah faham eksklusivisme Barat Kristian (*Western Christian*) dan pengaruh “Pencerahan” (*Enlightenment*) terhadap disiplin pengkajian agama (*religious studies*). Menggunakan pendekatan sejarah, kertas kerja ini tidak bersifat deskriptif semata-mata. Sebaliknya ia menilai dengan kritis kewibawaan falsafah pluralisme agama berpandukan sejarah, asal-usul dan latar belakang tercetus dan berkembangnya falsafah ini semenjak akhir kurun yang ke20.

Pendahuluan

Pluralisme agama adalah sebuah falsafah yang cuba menjustifikasikan kewujudan pelbagai agama dan dakwaan yang dibuat oleh setiap agama terhadap kebenaran agamanya (*religious truth claim*). Falsafah ini yang pada mulanya berkembang di Barat telah mendapat perhatian global semenjak akhir kurun ke20. Dalam konteks nasional pula, falsafah ini pada awalnya diperbahaskan secara ilmiah dalam kertas-kertas kerja di seminar dan wacana serta menjadi judul penyelidikan, tesis dan disertasi di peringkat sarjana. Namun sejak kebelakangan ini, ia mula dipopularkan kepada masyarakat umum oleh pendokong-pendokongnya yang berpandangan bahawa ia boleh menjadi formula terbaik masyarakat majmuk di Malaysia.

Persoalan utama yang ingin dikupas dalam kertas-kerja ini berkait rapat dengan kewibawaan falsafah pluralisme agama sebagai sebuah falsafah yang cuba meleraikan persoalan yang timbul akibat pertindanan dakwaan kebenaran yang dibuat oleh setiap agama (*plural truth claims*). Persoalan yang dimaksudkan ialah asal-usul, latar-belakang dan konteks di mana falsafah ini lahir dan perkembangan awalnya sehinggalah ke hari ini. Penting ditekankan di sini

bahawa persoalan-persoalan tersebut akan cuba dikupas secara ilmiah dan objektif tanpa sebarang sentimen dan prejudis kepada mana-mana agama mahupun tradisi. Apa yang bakal didedahkan adalah berdasarkan fakta yang rasional dan empirikal sifatnya sebagaimana yang dilaporkan dalam karya-karya ilmiah sarjana pelopor falsafah pluralisme agama di Barat mahupun pendokong falsafah ini secara umumnya.

Makna Istilah Pluralisme Dan Implikasinya Kepada Persepsi Tentang Kepelbagaian Agama

Pluralisme berasal dari istilah bahasa Inggeris (*plural*) yang merujuk kepada kewujudan lebih dari satu entiti. Dalam konteks falsafah klasik Greek lawan bagi pluralisme ialah monisme dan kedua-dua istilah ini merujuk kepada falsafah metafizik perdebatan antara dua aliran pemikiran tentang unsur kewujudan alam.¹ Dalam konteks falsafah moden pula, William James adalah sarjana yang awal mengaplikasikan istilah *plural* dalam karya akademiknya yang bertajuk *The Pluralistic Universe*.² Bermula dari penggunaan itulah maka istilah pluralisme mula diguna pakai dalam konteks politik, budaya, etika, moral dan agama.³

Secara umumnya, falsafah ini merujuk kepada kewujudan pelbagai agama dan dakwaan terhadap kebenaran yang diajukan oleh setiap agama (*religious truth claim*). Lawan bagi pluralisme agama ialah eksklusivisme yang mendokong fahaman bahawa hanya terdapat satu agama sahaja yang membawa kebenaran mutlak manakala agama-agama lain adalah palsu. Terdapat satu lagi istilah yang dipopularkan sebagai jalan tengah di antara pluralisme dan eksklusivisme iaitu inklusivisme yang bermaksud wujudnya satu agama yang mutlak manakala agama-agama lain hanyalah sebahagian dari kebenaran mutlak itu.

¹ Falsafah monisme merujuk kepada percanggahan pendapat di antara aliran *Eleatic* yang diketuai oleh Parmenides dengan aliran *Pluralis* yang dinaungi oleh Empedocles, Anaxagoras, Hereclitus dan aliran *Atomis* yang dinaungi oleh Leucippus dan Democritus. Falsafah *monism* merujuk kepada perbincangan tentang kejadian alam, samada ianya dibina oleh satu, dua atau lebih entiti. Aliran pluralisme juga menolak pandangan dualisme yang menyebut bahawa alam ini terbentuk oleh dua entiti seperti, alam dan tuhan, alam semula jadi dan alam luar biasa, alam yang sementara dan alam kekal, unsur materi dan spritual, unsur yang khusus dan unsur yang umum mahupun prinsip baik dan buruk, gelap dan cahaya. Colin E. Gunton, *The One, The Three, and the Many*, Cambridge: Cambridge University Press, First edition, 1993

² William James (1842-1910), seorang ahli falsafah dan ahli psikologi Amerika merupakan seorang pendokong falsafah pragmatik.

³ Politik pluralisme merujuk kepada sistem pelbagai parti politik manakala pluralisme budaya merujuk kepada pelbagai etnik dan kumpulan dalam masyarakat.

Secara khususnya, falsafah pluralisme agama menganjurkan fahaman bahawa setiap agama mempunyai pandangan, persepsi dan respon yang berbeza-beza terhadap Tuhan/Kebenaran mutlak (*God/The Absolute Truth*). Disebabkan wujudnya pelbagai dakwaan itulah, maka timbul persoalan tentang dakwaan manakah yang paling tepat dan benar? Mengapakah setiap agama memberikan pendapat yang bertentangan tentang Tuhan/Kebenaran Mutlak? Pluralisme agama cuba menjustifikasikan bahawa setiap dakwaan kebenaran itu adalah relatif dan bukan mutlak.⁴ Oleh yang demikian, falsafah ini menganjurkan agar pengiktirafan bukan sahaja diberikan kepada kewujudan pelbagai agama malahan dakwaan terhadap Tuhan/Kebenaran Mutlak yang dipegang oleh setiap agama.

Dalam kerangka faham relativisme ini, nilai dan pandangan hidup adalah relatif dan tertakluk kepada konteks relevan yang sahaja. Oleh yang demikian, sesuatu yang dianggap benar dan baik oleh sesuatu golongan mungkin sebaliknya bagi golongan yang lain.⁵ John Hick dalam mengaplikasikan faham relativisme ini kepada falsafah pluralisme agama yang didukungnya menyebutkan bahawa setiap agama/tradisi mengungkapkan Tuhan/Kebenaran Mutlak (*God/The Absolute Truth*) dalam pelbagai perkataan seperti Trinitas untuk agama Kristian, Yahweh untuk Yahudi, Brahman untuk agama Hindu dan Dharmakaya untuk agama Buddha.⁶

Perkaitan di antara falsafah pluralisme agama dan relativisme ini dihuraikan dengan lebih lanjut lagi oleh Peter Byrne yang menyimpulkan tiga premis utama falsafah ini iaitu;⁷ premis pertama, semua agama/tradisi adalah sama dalam merujuk kepada Tuhan/Kebenaran Mutlak (*God/The Absolute Truth*). Kerana itu seorang itu mungkin menganut agama Hindu kerana dia

⁴ John Hick, "Religious Pluralisme", Mircea Eliade (edit), *The Encyclopedia of Religion*, New York: Macmillan Publication Company, 1987, Vol. 12, m.s. 331.

⁵ Relativisme merupakan falsafah yang merujuk kepada etika, budaya dan pandangan alam (*worldview*). Relativisme menyarankan bahawa setiap pandangan berkaitan tiga perkara ini adalah relative tertakluk kepada konteks sesuatu masyarakat dan budaya yang tertentu. Oleh itu, benar atau salah, baik atau buruk tidak tertakluk kepada kriteria-kriteria umum sebaliknya tertakluk kepada konteks yang tertentu sahaja.. Mircea Eliade (edit), *Encyclopedia*, Vol. 12, p.274. Relativisme sebagai teori ilmu menegaskan bahawa tidak ada kebenaran yang unik dan objektif. Ernest Gellner, 'Relativism and Uniqueness' dalam *Rationality and Relativism*, Martin Hollis & Steven Lakes (edit.), Cambridge: MIT Press, 1982, m.s.183. Aliran falsafah relativisme ini boleh dikaitkan dengan aliran Sophist Greek seperti Protagoras (meninggal 410 B.C.E) dan Gorgias (meninggal 375 B.C.E).

⁶ John Hick, *An Interpretation of Religion*, London : Macmillan Press, 1989, m.s.10.

⁷ Peter Byrne, *Prolegomena to Religious Pluralism*, London: Macmillan Press Ltd., 1995, m.s. vii.

dilahirkan di India, mungkin juga Islam sekiranya dilahirkan di Mesir, mungkin juga menganut agama Buddha sekiranya dilahirkan di Sri Lanka, dan mungkin juga Kristian sekiranya dilahirkan di England.⁸

Premis yang kedua adalah semua agama adalah sama dalam menjanjikan keselamatan kepada pengikutnya. oleh itu frasa bahawa “tiada keselamatan di luar gereja” (*extra ecclesiam nullas salus- no salvation outside the church*) atau “keselamatan hanya melalui Jesus Christ” (*Solus Christus*) adalah terbatal. Bahkan, sarjana Barat mencadangkan agar diwujudkan reformasi dalam teologi seperti seperti Wilfred Cantwell Smith mencadangkan ‘teologi dunia’ (*world theology*)⁹ John Hick mencadangkan revolusi Kopernikan dalam teologi¹⁰ dan Paul F. Knitter mencadangkan ‘pembebasan teologi’ (*liberation theology*)¹¹ dengan harapan hanya ada satu teologi sahaja yang boleh diaplikasikan dalam mengkaji dan memahami semua agama-agama yang ada di dunia ini.

Premis yang akhir sekali menyebut bahawa semua agama mempunyai maklumat yang terhad terhadap Tuhan/Kebenaran Mutlak (*God/The Absolute Truth*). Oleh yang demikian, tiada agama yang layak menafikan agama lain mahupun mendakwa bahawa agamanya sahajalah yang mutlak. Smith contohnya berpendapat teologi Islam tidak sepatutnya digunakan bagi menilai agama Hindu mahupun agama-agama lain.¹² Hick pula berpendapat seseorang perlu membebaskan diri daripada kerangka agamanya sekiranya mahu menilai agama lain.¹³ Bahkan Knitter menegaskan tidak ada satupun teologi agama yang sempurna dan berhak membuat penilaian ke atas satu sama lain.¹⁴

Berpandukan premis-premis di atas, Bryne menegaskan pluralisme agama bertolak di atas landasan skeptik dalam menilai dakwaan setiap agama terhadap Tuhan/Kebenaran Mutlak

⁸ John Hick, *Philosophy of Religion*, New Jersey: Prentice Hall Inc. 1990, m.s.110.

⁹ Wilfred Cantwell Smith, *Towards a World Theology*, London: Macmillan Press Ltd, 1989, m.s. 130.

¹⁰ John Hick, *God And The Universe of Faiths*, London: The Macmillan Press Ltd., 1988. Lihat juga Glyn Richards, *Towards A Theology Of Religions*, London & New York: Routledge, 1989 m.s. 76.

¹¹ Bacaan lanjut teologi liberal lihat Paul F.Knitter, “Toward a Liberation Theology of Religions”, *The Myth of Christian Uniqueness*, New York: Orbis Book, 1987.

¹² Smith, *Towards a World Theology*, m.s.130.

¹³ Hick, *God and the Universe of Faith*, m.s. 133.

¹⁴ F. Knitter, *No Other Name*, , London: SCM Press Ltd. 1985, m.s. xi.

(*God/The Absolute Truth*). Demikianlah tersimpulnya faham pluralisme agama yang mendokong fahaman bahawa setiap agama adalah relatif dan tidak mutlak.

Walaupun dari segi tujuannya, falsafah pluralisme agama cuba merasionalkan kewujudan pelbagai agama atas dasar toleransi demi meningkatkan hubungan baik di antara agama, namun faham relativisme yang terkandung di sebalik falsafah ini menimbulkan beberapa isu besar yang berkait-rapat dengan Kebenaran Agama (*Religious Truth*) dan kesetaraan agama (*religious equality*). Persoalannya, apakah secara idealnya setiap agama boleh dan perlu menerima gagasan pluralisme agama ini? Apakah masalah-masalah berbangkit yang membawa kepada lahirnya falsafah ini juga dialami, signifikan dan relevan kepada setiap agama yang ada di dunia ini. Perbincangan seterusnya cuba meneroka jawapan kepada persoalan-persoalan ini.

Tempat Kelahiran Dan Sejarah Tercetusnya Falsafah Pluralisme Agama

Pluralisme agama adalah sebuah falsafah agama yang berasal dari Barat dan diperkenalkan secara sistematik oleh John Hick lewat karyanya yang bertajuk *An Interpretation of Religion: Human Responses to the Transcendent*.¹⁵ Fakta sejarah pula membuktikan bahawa agama Kristian adalah agama yang dominan di Barat sehingga timbulnya frasa yang disebut sebagai Barat Kristian.¹⁶ Falsafah pluralisme agama dari segi sejarahnya lahir dan berkembang dalam konteks Barat Kristian;¹⁷ konteks di mana falsafah ini disemai dan disuburkan oleh para sarjana dan pendokongnya

¹⁵ John Hick, *An Interpretation of Religion : Human Responses to the Transcendent*, London: Macmillan, 1989.

¹⁶ Untuk idea yang lebih jelas tentang agama Kristian dan peranannya dalam tamadun Barat sila lihat *Progress and Religion* di mana pengarangnya, Christopher Dawson, membincangkan pengaruh agama Kristian terhadap budaya Barat. Beliau percaya bahawa agama adalah kunci utama setiap tamadun, dan agama Kristian adalah kunci utama kepada budaya dan tamadun Barat. Christopher Dawson, *Progress and Religion*, Peru: Sherwood Sugden, 1991.

¹⁷ Barat Kristian (*Western Christian*) merujuk kepada gabungan agama Kristian dan empayar Rom yang berlaku sewaktu kurun yang keempat iaitu setelah agama Kristian diumumkan menjadi agama rasmi empayar Rom (*Christendom*). Penting juga diberi perhatian bahawa akibat daripada percantuman Kristian dan Empayar Rom agama Kristian mula berubah dari konteks asalnya iaitu Yahudi, kepada konteks Yunani Rom. Percantuman ini bukan sahaja membolehkan empayar Rom dikristiankan bahkan agama Kristian juga telah memanfaatkan falsafah Yunani-Rom di dalam wacana agamanya. Joseph Koterski, "Religion as The Root of Culture", *Christopher Dawson Insight: Can a Culture Survive the Loss of Its Religious Root*, The Proceeding of the Wethersfield Institution, Vol. 7, Oct. 15 1993, Ignatius Press, m.s. 16-17.

Dalam konteks Barat Kristian inilah juga telah wujud sebuah frasa penting yang menyimpulkan doktrin tradisional Gereja Roman Katolik terhadap agama-agama lain iaitu *extra ecclesiam nullas salus* yang bermaksud “tiada keselamatan di luar gereja”. Frasa ini didakwa mendokongi faham eksklusivisme yang dianuti oleh Gereja Roman Katolik dan pengikutnya.¹⁸ Frasa ini melambangkan bahawa agama Kristian adalah agama yang unik, eksklusif, dominan dan lebih tinggi darjatnya berbanding agama lain. Oleh yang demikian keselamatan hanya boleh diperolehi melalui Gereja Roman Katolik sahaja. Frasa ini yang turut menjadi ideologi empayar Rom menetapkan bahawa Katolik Kristian adalah agama rasmi dan mutlak bagi empayar.¹⁹ Oleh kerana itu, penolakan terhadap Gereja Kristian Katolik dilihat sebagai penentangan terhadap kuasa politik empayar.

Frasa ini didakwa berperanan besar mengukuhkan kedudukan Gereja Roman Katolik di dalam empayar Rom dan pada masa yang sama mengekalkan status agama Kristian sebagai sebuah agama yang unik dan mutlak.²⁰ Faham eksklusif ini dipercayai dianuti oleh kebanyakan pemimpin awal Katolik Kristian walaupun terdapat juga laporan wujudnya pandangan-pandangan terpencil di kalangan mereka yang agak terbuka dan kelihatan bertentangan dengan faham eksklusif ini.²¹

¹⁸ Doktrin *extra ecclesiam nullas salus* digunakan oleh Gereja Roman Katolik semenjak kurun yang ketiga selepas masihi untuk menguatkuasakan legitimasinya sebagai institusi yang mulia. Frasa ini diperkenalkan oleh Origen (185-253 C.E) dan Cyprian (200– 258 C.E). Frasa ini didakwa berdasarkan kata-kata Jesus yang terkandung di dalam Bible ‘*No one comes to the Father except through me*’ (John 14:6) Pada asalnya frasa ini digunakan untuk menentang golongan Kristian yang memisahkan dirinya dari fahaman Gereja Katolik Kristian dan bukannya sebagai kriteria perbandingan dengan agama-agama lain. Untuk perincian rujuk J. A. Dinioia, *The Diversity of Religions: A Christian Perspective*, Washington D.C: The Catholic University of America Press, 1992, Gavin D. Costa. “Extra Ecclesiam Nullas Salus – Revisited” *Pluralism and Unbelief* (edit) Ian Hamnett, London: Routledge, 1990 dan Tord Fornberg, *The Problem of Christianity in Multi Religious Societies of Today*, Lewiston/Queenston/Lampeter: The Edwin Mellen Press, 1995 m.s. 11. Di kalangan Kristian Protestan pula, faham eksklusif ini digambarkan dengan lima doktrin yang berikut; *Solus Christus, Sola Fide, Sola Scriptura, Sola Gracia, dan Soli Deo Gloria*. Clendenin melaporkan bahawa sehingga 1989, pendirian Kristian Protestan secara umumnya adalah eksklusif. Daniel B. Clendenin, *Many Gods Many Lords*, Michigan: Baker Books, 1975, m.s.72.

¹⁹ Daniel B. Clendenin melaporkan bahawa sejak 500 C.E agama Kristian telah berjaya mengubah kehidupan beragama di dalam empayar Rom. Agama Yunani dan Rom hamper telah pupus dan kebanyakan dari rakyat sudahpun memeluk agama Kristian. Daniel B. Clendenin, *Many Gods*, m.s. 21-22.

²⁰ Idea bahawa agama Kristian adalah unik berpunca daripada doktrin Penjelmaan Semula (*Incarnation*), iaitu Kalimah Suci (*Word*) adalah jelmaan Tuhan ke dalam tubuh Jesus. Ini bererti keselamatan hanya boleh didapati melalui Christ.

²¹ Faham eksklusif ini sememangnya dominan. Namun terdapat juga pandangan yang agak seimbang di kalangan pemimpin agama Gereja Roman Katolik yang mengatakan bahawa bukan Kristian juga layak mendapat jaminan keselamatan. Contohnya, Justin Martyr (100-167 C.E), Clement di Alexandria (150-215 C.E), Origen (185-253 C.E), Theophilus di Antioch (?), and Athenogoras (?) yang bercakap tentang ‘the seminal word’ *logos supermatikos*;

Faham eksklusif ini dikatakan mendapat lonjakan yang hebat pada masa pemerintahan Theodosius (379-395 C.E) di bawah pengaruh pemimpin gereja Augustine (354-430 C.E) iaitu tidak lama setelah agama Kristian menjadi agama rasmi empayar Rom.²² Ketika itu, gereja bukan sahaja menjadi institusi agama Kristian bahkan bertanggung-jawab melahirkan ideologi negara bagi mempertahankan kekuasaan empayar Rom. Senario ini menjelaskan sebab mengapa kerajaan Rom mengiktiraf faham eksklusif Gereja Kristian Katolik. Ianya adalah untuk memastikan keutuhan empayar Rom itu sendiri. Oleh yang demikian, faham eksklusif ini telah menjadi suatu faham yang dominan sewaktu zaman Pertengahan sekitar kurun yang keempat selepas masihi sehinggalah ke akhir kurun yang ke16.

Angin perubahan mula melanda Gereja Roman Katolik bermula pada kurun yang ke16 iaitu setelah berlakunya ekspedisi mubaligh Katolik Kristian ke dunia luar dan seterusnya siri penjajahan kuasa politik Barat yang berterusan ke atas tamadun lain di dunia. Ianya bermula dengan pelayar-pelayar Katolik Kristian yang berusaha meneroka laluan laut yang baru ke dunia luar oleh Henry the Navigator, Christopher Columbus, Vasco Da Gama, Ferdinand Magellan, and Francis Drake.²³ Tujuan utama pelayaran dilakukan adalah untuk menyebarkan agama Kristian yang seterusnya telah membuka peluang dan ruang bagi berlakunya penjajahan fizikal ke atas negara-negara lain.

Hubungan di antara tujuan agama dan tujuan politik; gerakan mubaligh Kristian dan golongan penjajah Barat; ini juga amat menarik untuk dibincangkan dalam konteks faham pluralisme agama ini. Joseph Mitsuo Kitagawa di dalam bukunya yang bertajuk *The Quest for*

iaitu Kalimah Suci yang menyertai semua manusia (*the word of all humankind partakes*). Ianya bermaksud, kepercayaan bahawa setiap orang yang mempercayai kalimah suci ini sudah pun menjadi Kristian walaupun mereka tidak pernah mendengar tentang Jesus.²¹ Tertullian (169-220 C.E) juga menyebutkan idea yang agak serupa melalui frasa *the naturally of Christ's soul* yang bermaksud "jiwa yang semulajadi Kristian".

²² *Christendom* merujuk kepada integrasi agama dan politik dalam sistem kerajaan teokrasi. Dalam zaman Kristian-Roman ini, pihak gereja mempunyai kuasa dalam menentukan pemimpin manakala pemimpin juga mempunyai kuasa untuk memilih pemimpin agama. Joseph Koterski 'Religion as The Root of Culture' dalam *Christopher Dawson Insight: Can a Culture Survive the Loss of Its Religious Root*, The Proceeding of the Wethersfield Institution, Vol. 7, Oct. 15 1993, Ignatius Press, pp. 24-25.

²³ P.F.Knitter, *No Other Names*, p. 123.

Human Unity: A Religious History menyebutkan terdapat dua bentuk hubungan di antara penjajah dan gerakan mubaligh Kristian iaitu hubungan secara langsung dan tidak langsung.²⁴

Hubungan secara langsung ini boleh dilihat dalam konteks ekspedisi mubaligh Kristian Katolik pada kurun yang ke 16 dan ke 17 yang bergerak di bawah arahan Gereja (*patronato & padroado*) yang masing-masing ditaja oleh Portugal dan Spain. Peranan mubaligh Katolik Kristian ini adalah untuk menyebarkan agama Kristian di samping memastikan penerusan dan kesinambungan kuasa Gereja Katolik di tanah jajahan baru dan juga di Rom.²⁵

Walau bagaimanapun, hubungan langsung ini tidak berlaku kepada gerakan mubaligh Kristian pada kurun yang ke18 dan ke19 yang didominasi oleh mubaligh Kristian dari England. Menurut Kitagawa, mubaligh ini pada asalnya lebih cenderung untuk menyebarkan agama dan ideologi Kristian tentang “Keselamatan” (*salvation*).²⁶ Namun kemudian, terdapat beberapa keputusan praktikal yang dilakukan sebagai kompromi di antara para mubaligh dan penjajah British. Penjajah British merasakan sekiranya agama Kristian dapat disebarkan kepada negara-negara bukan Kristian ianya akan memudahkan usaha penjajahan mereka. Para mubaligh Kristian pula berpandangan, prestij dan reputasi yang dimiliki oleh penjajah British boleh membantu menyebarkan lagi agama Kristian.²⁷ Kitagawa seterusnya menyimpulkan bahawa

“Agama Kristian memainkan peranan yang penting dalam mencernakan agama, budaya, masyarakat dan kelangsungan politik yang memberi legitimasi kepada objektif penjajah di negara bukan Barat. Kerana itu terdapat formula yang dibuat bagi menjelaskan hubungan ini;

Eropah/Barat – Kristian- Bangsa Terbaik
Bukan Eropah/Barat – Bukan Kristian/Agama Tempatan – Bangsa yang lemah²⁸

²⁴ Joseph Mitsuo Kitagawa, *The Quest For Human Unity: A Religious History*, Minneapolis: Fortress Press, 1990, p. 197.

²⁵ *Ibid*, pp.176-177. Hal ini telah didedahkan oleh Lal Dena yang melihat wujudnya kerjasama total di antara mubaligh Kristian Katolik dengan kerajaan Portugal dan Spain yang brepandukan prinsip *cujus region, ejus religio* yang bermaksud agama pemerintah ialah agama rakyat “*the religion of the prince is the religion of the inhabitants*”. Walaubagaimanapun setelah berlakunya beberapa masalah yang membantutkan gerakan misionari akibat kerjasama ini, maka bermula pada kurun ke19, pihak Gereja Katolik membuat keputusan untuk tidak lagi bekerjasama dengan kuasa kolonial. Lal Dena, *Christian Missions And Colonialism*, Shillong: Vendrame Institute, 1988, pp. 1-2.

²⁶ Kitagawa, *The Quest* m.s. 196-197.

²⁷ *Ibid*, Untuk pendedahan yang lebih terperinci tentang gerakan misionari Kristian dan hubungannya dengan kuasa penjajah rujuk Kitagawa, *The Quest*, m.s. 194-198.

²⁸ *Ibid*, m.s.188.

Formula ini menggambarkan hubungan dua hala penjajah British dan mubaligh Kristian, yang bertujuan mengukuhkan keunikan and kelebihan tamadun Barat serta agama yang diwakilinya iaitu agama Kristian. James B. Wiggins dalam menjustifikasikan hubungan ini mendakwa bahawa sikap kepenjajahan ini adalah diwarisi dari tamadun Yunani dan Rom.²⁹ James B. Wiggins juga menyebutkan bahawa kebanyakan jurabicara Katolik Kristian dengan bangganya menegaskan bahawa;

Tuhan Jesus telah memperlihatkan kekuasaanya melalui wahyu yang diturunkan melalui Gereja. Satu-satunya agama yang benar ialah Agama Kristian dan ia mempunyai kuasa politik yang unggul melalui empayar Rom. Oleh yang demikian, tuhan empayar ini hendaklah disembah oleh seluruh manusia. Pemimpin agama empayar ini juga hendaklah dirujuk oleh pemimpin Rom. Kejayaann insitusi Gereja mencerminkan kejayaan empayar.³⁰

Namun demikian disebabkan ekspedisi mubaligh Kristian dan siri penjajahan yang intensif, maka Kristian Katolik khususnya telah berdepan dengan cabaran baru. Para mubaligh Kristian yang selama ini berpegang dengan faham tradisional eksklusivisme mula berhubung secara langsung dengan agama lain dan tradisi tanah jajahannya. Persoalan mula timbul apabila para mubaligh ini melihat bahawa agama lain juga mempunyai pendapat mereka sendiri tentang Tuhan/Kebenaran Mutlak (Tuhan/ The Absolute Truth). Bahkan pengikut agama lain juga telah mempamerkan akhlak yang mulia dan kepercayaan yang tidak berbelah bahagi terhadap agama mereka. Lebih kronik lagi gerakan mubaligh Kristian ini secara umumnya telah gagal menyebarkan agama Kristian dan gagal juga menghentikan agama lain dari berkembang. Ini memaksa penganut agama Kristian khususnya Gereja Roman Katolik untuk membuat penilaian terhadap faham tradisional eksklusif yang dipegang oleh mereka selama ini. Kitagawa menyebutkan;

Pengalaman gerakan missionari Gereja Roman Katolik pada kurun yang ke16 dan ke17 membawa banyak pengajaran tentang perpaduan manusia. Kita mula menyedari bahawa manusia berbeza-beza dari segi agamanya. tambahan pula setiap agama dan tradisi, mempunyai kepercayaan masing-masing.³¹

²⁹ James B. Wiggins, *In Praise of Religious Diversity*, London: Routledge, 1996, m.s.26.

³⁰ *Ibid*, m.s. 27.

³¹ Kitagawa, *The Quest*, m.s. 180.

Walaubagaimanapun, Gereja Katolik Kristian telah mengambil masa yang agak lama sehingga berlakunya perubahan sikap dari eksklusivis kepada inklusivis. Faham inklusivis ini telah secara rasminya dirakamkan pada Majlis Kedua Vatican dalam tahun 1965.³² Karl Rahner, seorang ahli teologi Katolik dianggap sebagai individu yang bertanggung jawab merintis faham inklusivis ini.³³ P. F. Knitter menyebutkan, buat pertama kalinya Gereja Katolik Kristian merakamkan secara rasminya di dalam Dokumen *Nostra Aetate*,³⁴ penghargaan pihak Katolik Kristian terhadap setiap agama besar yang wujud di dunia di atas inisiatif mereka untuk merungkai persoalan misteri tentang kehidupan manusia.³⁵

Dokumen *Nostra Aetate* memetik sumber dari Bible yang menyebut bahawa semua manusia dicipta oleh Tuhan dan kerana itu semuanya berkongsi matlamat yang sama. Ini adalah kerana Tuhan mahu menyelamatkan manusia. Gereja tidak menolak apa-apa yang baik dari agama Hindu dan Buddha. Manakala agama Islam dan Kristian mempunyai pertalian yang rapat (contohnya kepercayaan kepada tuhan, Nabi Ibrahim, Maryam dan Isa). Kerana itu, Islam dan Kristian perlu bekerjasama memperjuangkan keadilan sosial, nilai moral, keamanan dan kebebasan. Agama Yahudi juga berkongsi tradisi dengan agama Kristian melalui Nabi Ibrahim a.s. Kematian Jesus adalah kesilapan yang perlu ditanggung oleh setiap individu dan tidak seharusnya dibebankan kepada kaum Yahudi sahaja. Kalaupun kaum Yahudi yang bersalah maka kesalahan itu tidak seharusnya dibebankan kepada generasi Yahudi hari ini.³⁶

³² P. F. Knitter menyebutkan bahawa perkembangan ini tidak pula berlaku kepada aliran Protestan. Hampir tidak ada pernyataan rasmi tentang agama-agama lain sebagaimana yang dilakukan oleh Gereja Roman Katolik. Clendenin melaporkan bahawa sehingga Kongres Antarabangsa kedua Kristian Misionari (Second International Congress on World Evangelization) di Manila dalam tahun 1989 Gereja Protestan secara umumnya masih berpendirian eksklusif. Daniel B. Clendenin, *Many Gods*, m.s.72. Walaubagaimanapun Gereja Protestan lebih cenderung melaksanakan dialog dengan agama-agama lain. Antara pelopornya Stanley Samartha ahli teologi Protestan, yang dilantik oleh the World Council of Churches (WCC) di Geneva sebagai Pengarah Dialogue Antara Agama dan Ideologi. Beliau telah bertanggung jawab menerbitkan *Garispanduan Dialog* yang diterbitkan oleh WCC dalam tahun 1979. P. F. Knitter, *No Other Name*, m.s.138-139.

³³ Karl Rahner adalah ahli teologi Katolik yang mengiktiraf kepelbagaian agama sebagai suatu hakikat kewujudan manusia yang perlu diperakui oleh Gereja. Karl Rahrner terkenal dengan istilah yang diciptanya *anonymous Christians* yang bermaksud “Kristian tanpa nama”. Istilah ini berhasrat menamakan orang-orang bukan Kristian sebagai Kristian tanpa nama yang termasuk juga dalam pelan ‘keselamatan’ (*salvation*) Gereja Roman Katolik. Ini sebagai membuka lagi peluang keampunan oleh Gereja kepada agama lain.

³⁴ Untuk penjelasan lanjut rujuk Milkka Roukanen, *The Catholic Doctrine Of Non-Christian Religions (According to the Second Vatican Council)*, Leiden: E.J.Brill, 1992.

³⁵ P. F. Knitter, *No Other Name*, m.s.124.

³⁶ *Ibid*, m.s. 20-22. Glyn Richard menganggap penjelasan rasmi yang dinyatakan oleh dokumen ini sebagai perkembangan positif dalam hubungan Kristian dan Yahudi di mana segala bentuk faham anti-semitik dikritik

Sebahagian sarjana melaporkan perubahan besar ini berlaku bukan sahaja disebabkan oleh perubahan faham teologi eksklusivis kepada teologi inklusivis. Bahkan ianya juga disebabkan oleh faktor politik. Pembunuhan orang Yahudi dalam peristiwa Holocaust³⁷ dikatakan telah menimbulkan rasa bersalah dalam kalangan Gereja Katolik Kristian. Sikap mendiamkan diri Gereja Katolik dan faham eksklusivisme yang dipegang, dilihat sebagai sesuatu yang tidak bermoral dan tidak sewajarnya dipertahankan oleh akal yang sihat. Bahkan faham eksklusif ini tidak pernah mampu mengubah realiti bahawa manusia dilahirkan dalam agama yang berbeza. Pendirian eksklusif ini hanya akan mendalamkan lagi jurang di antara Katolik Kristian dan agama-agama lain di dunia.

Maka faham inklusivisme yang diterima pada Perhimpunan Kedua Vatican mula memberi identiti kepada Gereja Roman Katolik pada akhir kurun yang ke 20.³⁸ Bahkan pendirian ini telah memberi inspirasi kepada sarjana-sarjana Kristian sendiri sehingga dianggap pendirian ini mewakili pendirian arus perdana Kristian.³⁹

Dari Inklusivisme Kepada Pluralisme Agama

Perubahan faham eksklusivisme kepada inklusivisme sebenarnya telah membuka ruang yang lebih besar kepada faham pluralisme agama. Peranan para sarjana Barat Kristian yang terdiri daripada ahli teologi, ahli akademik pengkaji sosial dan agama, adalah sangat besar dalam membina falsafah pluralisme agama dan menyebarkanluaskannya sebagai falsafah antara agama pada abad ini. Bahkan usaha ini dianggap sebagai usaha pembebasan teologi (*liberation theology*) antara agama yang selama ini dianggap terperangkap dalam ajaran tradisional dan eksklusif Kristian. Harold Coward dalam menjelaskan hal ini menyebutkan;

dengan terbuka oleh pihak Gereja Katolik. *Towards A Theology of Religions*, London & New York: Routledge, 1989, p.11.

³⁷ *Holocaust*, suatu istilah digunakan di dalam Old Testament yang bermaksud pengorbanan. Perkataan ini digunakan oleh ahli sejarah bagi merujuk kepada peristiwa pembunuhan beramai-ramai orang Yahudi oleh tentera Nazi Jerman sekitar Perang Dunia Kedua iaitu pada tahun 1941-1945. Untuk perincian sila rujuk Milkka Roukanen, *The Catholic Doctrine Of Non-Christian Religions*, p. 35.

³⁸ Menurut Gavin D. Costa, Faham inklusivisme agama menjanjikan jaminan keselamatan kepada agama lain di samping mengekalkan status quo Christ sebagai kebenaran yang mutlak. Gavin D. Costa, *Theology and Religious Pluralisme: The Challenge of Other Religions*, Oxford: Basil Blackwell, 1986, m.s.81.

³⁹ P. F. Knitter *No Other Name* m.s. 135-139.

Hari ini, disebalik usaha yang dilakukan oleh para mubaligh Kristian, mereka mula sedar bahawa agama-agama lain seperti agama Yahudi, Islam, Hindu and Buddha tidak akan pupus malah terus hidup subur. Ini telah menyebabkan para penganut Kristian mula menilai semula secara serius kefahaman mereka tentang kehendak Tuhan, ajaran Bible tentang Jesus, doktrin agama Kristian tentang *Christ* dan gerakan misionari.⁴⁰

Wilfred Cantwell Smith tidak terlibat secara langsung mempopularkan frasa pluralisme agama, tetapi kritikan kerasnya terhadap pendirian Agama Kristian terhadap agama lain khususnya faham tradisional eksklusif, telah menyumbang impak yang besar kepada perkembangan faham pluralisme agama. Smith di dalam bukunya yang bertajuk *The Meaning and End of Religion* telah mengkritik pentafsiran ahli teologi Kristian dan sarjana Barat terhadap apa yang mereka fahami sebagai agama (*religion*) adalah berasal daripada faham eksklusif agama Kristian. Faham eksklusif ini bertanggungjawab memberi kriteria terhadap semua agama bukan Kristian. Faham ini juga yang menetapkan bahawa setiap agama yang tidak mempunyai ciri-ciri fizikal seperti agama Kristian adalah bertentangan dengannya.⁴¹

Smith seterusnya menganjurkan agar istilah *religion* itu digugurkan sama sekali penggunaannya kerana sifatnya yang tidak objektif dan berat sebelah. Istilah tersebut menurut Smith meminggirkan unsur penting yang bersifat spiritual pada seseorang penganut iaitu kepercayaannya (*faith*). Sebaliknya apa yang dianggap agama oleh para sarjana hanya merujuk kepada tradisi yang diikuti oleh setiap agama dari satu generasi ke generasi seterusnya (*cumulative tradition*). Dalam kata lain, faham eksklusif gagal membantu para sarjana memahami istilah yang dimaksudkan dengan agama (*religion*). Seterusnya dalam tahun 1981 Smith mencadangkan diwujudkan “teologi dunia” (*world theology*) sebagai suatu disiplin ilmu yang dapat berlaku adil kepada agama-agama lain yang ada di dunia tanpa perlu mendominasi doktrin Kristian kepada agama-agama lain.

John Hick, pelopor utama falsafah pluralisme agama membicarakannya secara sistematik dan memperjuangkan kesarjanaannya mempromosikan falsafah ini. Perjuangan ini boleh dianggap sesuatu yang radikal kerana Hick membayangkan perubahan yang dibuatnya sebagai suatu revolusi dalam teologi Kristian. Hick menggelarkannya sebagai suatu ‘transformasi teologi

⁴⁰ Harold Coward, *Pluralism & Challenge*, m.s.13.

⁴¹ Wilfred Cantwell Smith, *The Meaning and End of Religion*, Minneapolis: Fortress Press, 1991, m.s. 140.

Kopernikan daripada teologi Ptolemy'.⁴² Apa yang dimaksudkan oleh Hick ialah, selama ini Kristian menganggap bahawa hanya ialah agama yang mendokong konsep Tuhan/Kebenaran Mutlak yang sentral berbanding agama-agama yang lain (sebagai membandingkan teori Ptolemy yang mengatakan bahawa bumi berada di tengah-tengah Bimasakti manakala matahari dan planet lain beredar mengelilingi bumi). Apa yang sebenarnya berlaku menurut Hick ialah Tuhan/Kebenaran yang Mutlak yang sebenarnya bersifat sentral manakala agama Kristian seperti juga agama-agama lain hanyalah sebahagian daripada tafsiran terhadap Tuhan/Kebenaran Mutlak yang sentral itu (sebagai membandingkan teori Kopernikan yang mengatakan bahawa matahari berada di tengah-tengah Bimasakti manakala bumi dan planet lain beredar mengelilingi matahari).⁴³ Dalam kata lain, faham tradisional eksklusif Kristian yang melihatnya sebagai agama yang sentral dan mutlak adalah seumpama faham Ptolemy yang dibuktikan salah dan tidak relevan oleh Kopernikan.

Hick seterusnya mencabar agar kefahaman terhadap doktrin “keselamatan” (*salvation*) dalam teologi Kristian dinilai semula. Oleh kerana agama Kristian bukanlah agama yang sentral maka Agama Kristian tidak sewajarnya dilihat sebagai satu-satunya agama yang boleh menjanjikan keselamatan terhadap penganutnya. Hick sebaliknya berpendapat, setiap agama juga menjanjikan keselamatan terhadap penganutnya. Bahkan keselamatan ini ditafsir dan difahami secara berbeza-beza oleh setiap penganut agama.

Hick mendefinisikan doktrin “keselamatan” (*salvation*) sebagai suatu bentuk transformasi yang melibatkan pemahaman manusia terhadap Tuhan/Kebenaran Mutlak iaitu transformasi dari kefahaman keakuan setiap agama (*self-centeredness*) kepada kefahaman tentang Hakikat yang sebenar (*Reality-centeredness*). Hick berpendapat transformasi ini bukanlah sesuatu yang asing bahkan ianya ada dalam praktis kebanyakan agama. Contohnya, dalam agama Kristian, ia adalah transformasi jiwa yang keakuan kepada jiwa yang bersifat terbuka dan bertindakbalas dengan kasih sayang tuhan; dalam Islam, ianya adalah transformasi daripada keinginan kepada kehidupan yang sempurna kepada penyerahan sepenuhnya kepada tuhan, dalam agama Hindu ianya adalah transformasi pengabdian kepada tuhan Shiva, Vishnu

⁴² Hick, *God And The Universe of Faiths*, London: The Macmillan Press Ltd., 1988. Lihat juga Glyn Richards, *Towards A Theology Of Religions*, London & New York: Routledge, 1989 m.s. 76.

⁴³ Hick, *God and the Universe of Faith*, London: The Macmillan Press, 1988, m.s. 131.

(yang merupakan manifestasi kepada Brahman) kepada pengabdian kepada Brahman itu sendiri.⁴⁴ Demikianlah menurut Hick, transformasi yang perlu dilakukan dalam memahami makna baru 'salvation' dalam semua agama.

Menurut Hick, Tuhan/Kebenaran Mutlak sebagaimana yang diketahui dan dirasakan oleh pengalaman manusia dikenali dengan pelbagai nama *Yahweh* atau *Adonai*, *God Father* atau *Trinity*, *Allāh*, *Brahman*, *Shiva*, *Vishnu*, *Krishna*, *Dharmakaya*, *Nirvana*, *Sunyata* dan lain-lain. Ini hanyalah sebahagian dari contoh di mana Tuhan/Kebenaran Mutlak didefinisikan dalam konteks agama/tradisi tertentu. Hakikat Yang Mutlak (*The Real an sich*) ini boleh difahami dan dirasakan melalui pelbagai jalan.⁴⁵ Kerana itulah setiap agama mempunyai interpretasi yang berbeza tentang Tuhan/Kebenaran yang Mutlak. Oleh yang demikian, terdapat lebih dari satu jalan yang membawa manusia kepada Tuhan/Kebenaran Mutlak.⁴⁶

Akhir sekali, Paul F. Knitter adalah seorang lagi sarjana Kristian yang mendokong faham pluralisme agama. Walaupun beliau tidak seperti Hick yang menangani falsafah ini secara sistematik, Knitter telah mengusulkan pendapat yang sangat radikal dalam mengaplikasikan falsafah ini. Beliau menuntut agar 'pembebasan teologi' (*liberation theology*) dapat dilakukan khususnya kepada teologi Kristian. Radikalnya pemikiran beliau dapat dilihat dari tajuk karya ilmiahnya iaitu *The Myth of Christian Uniqueness*.⁴⁷ Sepintas lalu tajuk ini membayangkan suatu cabaran yang sangat hebat kepada faham tradisional agama Kristian yang meletakkannya sebagai agama yang unik dan eksklusif. Knitter terlebih dahulu menyarankan agar ahli teologi Kristian menilai semula teologi Kristian.⁴⁸ Ini adalah kerana beliau berpendapat bahawa setiap teologi agama adalah terhad dan tidak boleh digunakan untuk menilai di antara satu agama dengan yang lain.⁴⁹

Saranan Knitter sebenarnya sudah lebih awal lagi diaplikasikan oleh Smith dan Hick. Smith contohnya, komited meyakinkan para teologi dan sarjana Kristian untuk menilai semula faham tradisional eksklusif yang dipegang oleh agama Kristian. Smith menekankan bahawa

⁴⁴ Hick, *The Rainbow of Faiths*, London: SCM Press Ltd, 1995 m.s.107-108.

⁴⁵ Hick, *Problems Of Religious Pluralisme*, m.s.40.

⁴⁶ *Ibid*, m.s. 34

⁴⁷ P.F.Knitter, "Toward a Liberation Theology of Religions", dalam *The Myth of Christian Uniqueness*.

⁴⁸ P.F.Knitter, *No Other Name*, m.s.18

⁴⁹ P.F. Knitter, *No Other Name*, m.s. xi.

perlu ada pendekatan baru dalam mengkaji agama-agama selain daripada agama Kristian (*theology of the non-Christian*) yang dinamakannya sebagai teologi dunia (*world theology*).

Hick, bukan sahaja menyarankan agar doktrin *salvation* dinilai semula. Lebih radikal lagi, Hick menggesa agar doktrin “Penjelmaan Semula” (*Incarnation*) diberi interpretasi baru. Doktrin ini dikritik secara tuntas di dalam himpunan artikel yang diterbitkan sebagai editor pada tahun 1977 bertajuk *The Myth of God Incarnate*. Hick mendakwa, selain *salvation*, doktrin *Incarnation* inilah yang bertanggung jawab mempromosi idea tentang keunikan, kelebihan, keistimewaan dan kemutlakan agama Kristian. Oleh kerana wujudnya pelbagai agama di dunia, Hick percaya perlu ada hujah yang lebih logik lagi bagi menerangkan doktrin *Incarnation*.

Doktrin ini menurut Hick, sepatutnya difahami secara simbolik atau dilihat sebagai metafora dan bukannya ditafsirkan secara langsung.⁵⁰ Hick mentafsirkannya sebagai bermaksud penjelmaan kasih sayang tuhan melalui Jesus.⁵¹ Kasih sayang tuhan ini dimanifestasikan dengan kemuliaan Jesus dalam merawat pesakitnya, mendidik manusia, berbicara dengan pengikutnya, bahkan pergaulannya dengan mereka yang hipokrit dan yang membencinya.⁵² Menurut Hick, pentafsiran ini lebih logik bunyinya, lebih mudah diterima akal dan difahami oleh bukan Kristian.⁵³ Oleh yang demikian, pentafsiran semula ini diperlukan kerana ia boleh meraikan perbezaan idea tentang Tuhan/Kebenaran Mutlak yang dianuti oleh setiap agama. Pentafsiran semula ini telah menerima kritikan yang hebat daripada gereja-gereja di Britian yang menganggap Hick sebagai sesat.⁵⁴

Isu utama yang mencetuskan falsafah pluralisme agama versi Hick ini adalah persoalan teologi; seperti yang telah dibincangkan sebelum ini iaitu doktrin ‘keselamatan’ (*salvation*) dan lebih khusus lagi doktrin Penjelmaan Semula (*Incarnation*). Ironinya, kedua-dua doktrin ini merupakan doktrin penting ajaran Kristian, telah digunakan sebagai kriteria utama dalam menjustifikasikan falsafah pluralisme agama supaya diterima masyarakat global hari ini.

⁵⁰ Hick, *Problems Of Religious Pluralisme*. p.11.

⁵¹ *Ibid.* 152-153.

⁵² *Ibid.*, p. 153.

⁵³ Hick menekankan bahawa hujah tradisional (tentang kesatuan Jesus dan tuhan samada kesatuan zat atau *hipostatic* bukan sahaja ketinggalan zaman bahkan mempunyai kecenderungan untuk disalahfahami. Hick seterusnya mengkritik persepsi bahawa roti dan arak merah (*wine*) yang digunakan sewaktu Eucharist sebagai jasad dan darah yang sebenar dan bukannya simbolik.

⁵⁴ Untuk laporan penuh tentang kontroversi ini sila rujuk Hick, *Problem of Religious Pluralisme*, m.s. 11-15.

Persoalannya, dengan meletakkan doktrin Kristian terutamanya *salvation* sebagai kriteria, apakah Hick berjaya melakukan transformasi seperti yang dituntutnya sendiri? Apakah *salvation* merupakan suatu doktrin yang sentral di dalam agama lain sehingga setiap agama perlu menilai semula dakwaan masing-masing terhadap Tuhan/kebenaran Mutlak kerana dengan wujudnya dakwaan inilah agama-agama tersebut bersikap eksklusif terhadap agama-agama lain?

Smith dan Knitter juga tidak lari daripada persoalan besar teologi Kristian. Kritikan pedas mereka kepada faham eksklusif dalam agama Kristian bukanlah suatu rahsia. Hari ini kebanyakan daripada sarjana Kristian yang mendokong gagasan Smith, Hick dan Knitter dikategorikan sebagai sarjana teologi liberal. Malah pluralisme agama juga adalah salah satu dari pokok perbahasan di dalam teologi liberal. Persoalannya adakah konflik teologi ini dialami oleh semua agama besar yang wujud di dunia ini. Jika tidak, maka apakah relevannya mengambil pengalaman konflik teologi Kristian untuk diterjemahkan ke dalam perbincangan teologi agama-agama lain. Bahkan sejauh manakah agama-agama besar di dunia ini mempunyai teologi yang sistematik seperti teologi Kristian. Jika demikian halnya, mengapakah falsafah pluralisme agama ini ‘dipromosikan’ dengan begitu hebat sekali?

‘Pencerahan’ (*Enlightenment*) Dan Kesannya Terhadap Bidang Pengkajian Agama

Seperti yang telah cuba ditekankan dalam perbincangan sebelum ini, sebab utama lahirnya falsafah pluralisme agama adalah berpunca daripada faham doktrin eksklusif dalam teologi Kristian. Namun bagaimanakah wacana pluralisme agama ini dapat berkembang subur dan akhirnya diterima secara terbuka oleh sarjana Kristian khususnya dan sarjana moden Barat umumnya.

‘Pencerahan’⁵⁵ secara tidak langsung telah memberi impak yang besar kepada peranan bidang teologi dan pengkajian agama (*religious studies*) sebagai sebahagian daripada cabang disiplin ilmu di Barat. Agama tidak sepatunya diikuti sebagai dogma sebaliknya perlu dikaji dan difahami. Menyedari realiti bahawa wujud juga agama-agama besar selain daripada agama Kristian, sarjana Barat mula memikirkan tentang kemungkinan memahami fenomena

⁵⁵ Pencerahan adalah terjemahan bagi perkataan ‘*Enlightenment*’ yang bermaksud pembebasan fikiran dan minda yang dogmatik dan jahil kepada penggunaan akal rasional dan bebas.

kepelbagaian agama ini. Turut muncul ialah aliran yang cuba mewujudkan pendekatan yang dianggap objektif dan saintifik bagi menggantikan metod tradisional.⁵⁶

Pendekatan ini telah dirintis oleh Friedrich Max Muller (1823-1900) dalam karya ilmiahnya yang bertajuk *Introduction to the Science of Religion*.⁵⁷ Muller memberi suatu dimensi baru dalam pengkajian agama yang selama ini dipelopori oleh sarjana teologi. Pendekatan Muller yang digelar sebagai aliran *religionswissenschaft* jika diterjemah secara literal membawa maksud perbandingan agama.⁵⁸ Selepas Muller, muncul juga pendekatan-pendekatan baru lain yang muncul dalam pengkajian agama seperti pendekatan yang diambil oleh sarjana antropologi, sosiologi, sejarah dan falsafah fenomenologi.⁵⁹ Berbanding Muller, pendekatan-pendekatan yang datang selepasnya amat berpengaruh sekali sehinggalah ke hari ini. Senario ini dijelaskan oleh Ahmad Yousif di mana beliau menyebut:

Istilah ‘Perbandingan Agama’ telah digunakan sehingga akhir Perang Dunia Kedua walaupun sejak Perang Dunia Pertama lagi disiplin ini telah berpecah kepada disiplin-disiplin lain yang berkaitan seperti sejarah agama (*history of religion*), psikologi agama (*psychology of religion*), sosiologi agama (*sociology of religion*), dan falsafah agama (*philosophy of religion*). Walaupun pada asalnya disiplin Perbandingan Agama berhasrat mengadakan kajian objektif terhadap agama-agama yang wujud di dunia, namun semenjak Perang Dunia Kedua, berlaku interaksi antara agama yang sangat luas samada di peringkat professional mahupun personal. Ini telah mengalihkan fokus pengkajian terhadap agama. Salah satu dari kesannya ialah sarjana Barat secara umumnya tidak lagi berminat membincangkan isu berkaitan darjat ketinggian ataupun kerendahan agama (*relative superiority or inferiority*). Kesan yang kedua ialah sarjana Barat hampir telah meminggirkan istilah

⁵⁶ Glyn Richards, *Towards A Theology of Religions*, p.1.

⁵⁷ F. Max Muller, *Introduction to the Science of Religion*, London: Longmans, Green & Company, 1873.

⁵⁸ Istilah Religionswissenschaft berasal dari perkataan Jerman yang biasanya diterjemahkan sebagai Perbandingan Agama. Ia merujuk kepada aliran pendekatan yang dirintis oleh Friedrich Max Muller yang cuba mempromosikan pendekatan saintifik yang dikatakan neutral dan tidak berat sebelah dalam pengkajian agama.

⁵⁹ Pendekatan fenomenologi muncul dalam tahun 1933 oleh sarjana Belanda Gerardus Van der Leuw (1890-1950). Pendekatan ini sangat berpengaruh dalam kurun yang ke-20 ini kerana ia menolak pendekatan menghukum (*judgmental*) dalam mengkaji agama. Pendekatan ini dianggap lebih objektif dan ia tidak berminat untuk mengkaji kebenaran agama sebaliknya lebih menjurus kepada penerangan terperinci tentang sesuatu agama. Allen, Douglas, *Phenomenology of Religion in The Routledge Companion of The Study of Religion*, (London & New York: Routledge), m.s. 183.

‘Perbandingan Agama’ dan menggantikannya dengan pelbagai istilah disiplin ilmu yang baru yang meraikan kepelbagaian pemikiran dan metodologi.⁶⁰

Melalui pendekatan sosiologi, agama dikaji sebagai sebuah institusi sosial yang dibentuk oleh tradisi zaman berzaman. Dalam konteks ini, agama difahami sebagai eksperisi nilai sosial tradisi berzaman dan bukan lagi wahyu. Oleh kerana itu, isu-isu berkaitan tuhan, moral, alam dan metafizik adalah alat dan produk kepada kebudayaan manusia semata-mata.⁶¹ Pendekatan ini juga seiring dengan pendekatan antropologi agama (*anthropology of religion*) dan sejarah agama (*history of religion*) yang memahami agama melalui aktiviti manusia yang tertakluk kepada faktor masa dan tempat semata-mata.⁶²

Satu lagi pendekatan yang berpengaruh ialah pendekatan fenomenologi. Pendekatan ini tidak berminat mengkaji kebenaran agama (*religious truth*), sebaliknya pendekatan ini cuba menjelaskan pengalaman beragama manusia (*human religious experience*) secara objektif dengan tidak cenderung kepada mana-mana agama.⁶³ Yang demikian adalah kerana anggapan bahawa kecenderungan kepada sesuatu agama adalah pendekatan yang prejudis, berat sebelah dan tidak adil bagi memahami sesuatu agama dengan objektif.

Kewujudan pendekatan-pendekatan baru ini disemarakkan oleh semangat *Pencerahan* yang mengiktiraf akal dan pengalaman manusia (rational & empirical) sebagai sumber yang paling penting dalam pengambilan ilmu. Sebaliknya, pendekatan teologi yang pernah mendominasi disiplin ilmu tradisional Barat menjadi semakin terpinggir dan disisihkan dari disiplin ilmu Barat moden.

Persoalan mengapa bidang teologi khususnya kehilangan taringnya di Barat sejurus zaman *Pencerahan* sememangnya menarik untuk dikaji. Ironinya, pengkajian terhadap agama

⁶⁰ Untuk bacaan lanjut sila rujuk Ahmad F.Yousif, *Studying The Other: Challenges And Prospects Of Muslim Scholarship On World Religions In Studies In Contemporary Islam 2* (2000), m.s. 1-27.

⁶¹ William E.Paden, *Interpreting The Sacred*, Boston: Beacon Press,1992, m.s..27 & 28.

⁶² Karya-karya akademik yang berikut membincangkan secara terperinci definisi setiap pendekatan ini; Edward Geoffrey Parrinder, (1975) *Comparative Religion*, (New York: Greenwood Publication) dan Eric J. Sharpe, *Comparative Religion*, London: Gerald Duckworth and Company Ltd., 1975

⁶³ Ironinya, di sebalik peningkatan minat terhadap pengkajian agama, sarjana Barat tidak lagi berminat untuk mengkaji wahyu sebagai suatu yang berkaitan dengan agama. sebaliknya, mereka cenderung berpandangan bahawa agama adalah produk budaya yang dinamik sifatnya.

tidak lagi berlaku dalam kerangka perbahasan teologi. Sebaliknya, ia berkembang subur dalam sains moden Barat. Demikianlah halnya yang terjadi sehingga tercetusnya falsafah pluralisme agama. Ianya bermula dengan kritikan pedas terhadap doktrin dan teologi Kristian dari dalam kalangan sarjana Barat bahkan ahli teologi Kristian sendiri. Seterusnya wacana berkaitan agama disemarakkan menggunakan pendekatan-pendekatan saintifik moden yang dirasakan lebih objektif dan neutral. Hasilnya lahirlah istilah teologi liberal yang direalisasikan oleh falsafah pluralisme agama sebagai sebahagian daripada buah tangan *Pencerahan* Barat terhadap bidang pengkajian agama (*religious studies*) itu sendiri.

Dilema Pluralisme Agama: Suatu Analisa

James B. Wiggins dalam karyanya yang bertajuk *In Praise of Religious Diversity* mengaitkan hubungan di antara faham eksklusivisme Agama Kristian dengan sikap kepenjajahan Yunani dan Rom yang juga ada kaitannya dengan faham imperialisme Barat. Kitagawa dalam bukunya yang bertajuk *The Quest For Human Unity: A Religious History* pula mengaitkan antara gerakan misionari Kristian dengan faham eksklusivisme dan faham imperialisme penjajah Barat. Bahkan Lal Dena dalam karyanya *Christian Missions And Colonialism* cuba menganalisa dan membuktikan dengan fakta sejauh manakah kebenaran hubungan istimewa itu.

Perbahasan samada benar ataupun tidak, walaupun menarik untuk dibicarakan tetapi bukanlah untuk diperdebatkan di sini. Karya-karya yang disebutkan sebelum ini juga telah dirujuk bagi memberikan fakta sejarah yang menggambarkan situasi sosio-budaya-politik-agama di mana faham pluralisme agama mula tercetus. Bahkan kertas kerja ini dengan begitu konsisten juga mengungkapkan permasalahan teologi eksklusif agama tertentu; agama Kristian, yang telah membawa kepada tercetusnya falsafah pluralisme agama.

Pluralisme agama bermula dan berakhir dengan dilema. Dilema awalnya disebabkan doktrin yang dianuti menganjurkan bahawa kewujudan pelbagai agama dan dakwaan mereka terhadap Tuhan/Kebenaran Mutlak yang bertentangan sebagai suatu konflik. Dilema akhirnya adalah disebabkan falsafah ini tidak mengemukakan sebarang jawapan terhadap kewujudan pelbagai agama dan dakwaan terhadap Tuhan/Kebenaran Mutlak. Sebaliknya ia mengajak manusia untuk lebih skeptikal terhadap ajaran agama masing-masing dengan alasan kebenaran

setiap agama adalah bersifat relatif. Mungkinkah ini sebuah tawaran yang boleh dianggap menarik oleh setiap agama?

Pluralisme agama juga adalah hasil pengalaman Barat Kristian yang cuba melakukan transformasi terhadap doktrin agamanya. Ianya merupakan pertentangan di antara faham tradisional yang eksklusif dengan faham moden yang liberal. Faham tradisional yang eksklusif dan faham moden yang liberal ini mempunyai faktor latar belakang sejarah, situasi sosio-budaya-politik-agama yang tersendiri. Mungkinkah faktor-faktor dan situasi ini dialami juga oleh agama-agama besar dunia yang menjadikan falsafah pluralisme agama sebagai suatu jawapan yang relevan?

Dengan menggunakan doktrin *salvation* sebagai kriteria, tidakkah ianya menjadi suatu bentuk pencerobohan dan penjajahan doktrin dan minda terhadap agama-agama lain. Adakah doktrin ini relevan dalam setiap agama sehingga menimbulkan konflik yang sama seperti mana yang dialami oleh agama Kristian. Jika ianya pengalaman khusus agama Kristian, maka apakah prioritinya falsafah ini dipromosikan kepada dan diterima pakai oleh agama-agama lain?

Akhir sekali perlukah kita memahami kewujudan pelbagai agama dan dakwaan terhadap Tuhan/Kebenaran Mutlak dalam kerangka fahaman eksklusivisme-inklusivisme-pluralisme rekaan para pendokong falsafah pluralisme agama. Faham-faham ini mungkin tidak relevan dan tidak wujud sama sekali dalam konteks agama-agama selain daripada agama Kristian. Ini bermakna kemungkinan formula pluralisme agama ini relevan dan diperlukan seharusnya diperdebatkan.

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, kertas kerja ini tidak berhasrat untuk mengemukakan pandangan yang berat sebelah terhadap mana-mana agama mahupun individu yang terlibat mempromosikan falsafah pluralisme agama. Fakta yang dibentangkan adalah fakta sejarah yang turut direkodkan oleh sarjana-sarjana pendokong falsafah ini sendiri. Selebihnya, adalah disarankan kepada penganut dan sarjana setiap agama untuk memikirkan secara kritis dan menilai kewibawaan falsafah ini yang didakwa boleh meningkatkan toleransi dan hubungan baik antara agama di dunia.

SENARAI RUJUKAN

- Allen, Douglas. "Phenomenology of Religion." In *The Routledge Companion of the Study of Religion*, by John R. Hinnel. London & New York: Routledge, 2005.
- Bryne, Peter, *Prolegomena to Religious Pluralism*, London: Macmillan Press Ltd., 1995
- Clendenin, Daniel B. *Many Gods Many Lords*. Michigan: Baker Books, 1995.
- Costa, Gavin D. *Theology and Religious Pluralism*. Oxford: Basil Blackwell, 1986.
- Dawson, Christopher. *Progress & Religion*. Peru: Sherwood Sugden, 1991.
- Dena, Lal. *Christian Missions and Colonialism*. Shillong: Vendrame Institute, 1988.
- Eliade, Mircea. *the Encyclopedia of Religion*. New York: Macmillan Publication, 1987.
- Fornberg, Tord. *The Problem of Christianity in Multi Religious Societies Today*. Lewiston/Queenston/Lampeter: The Edwin Meller Press, 1995.
- Gellner, Ernest. *Rationality and Relativism*. Cambridge: MIT Press, 1982.
- Gunton, Collin E. *The One, The Three and The Many*. Cambridge: Cambridge University Press, 1993.
- Hick, John. *An Interpretation of Religion: Human Responses to the Transcendent*. London: Macmillan Press, 1989.
- . *God and the Universe of Faith*. London: Macmillan Press, 1988.
- . *Philosophy of Religion*. New Jersey: Prentice Hall Inc., 1990.
- . *The Rainbow of Faiths*. London: SCM Press, 1995.
- Ibrahim, Haslina, *Diversity of Religions: An Assessment of the Christian and Muslim Encounters With the Philosophy of Religious Pluralism*, Unpublished thesis, International Islamic University Malaysia, 2005
- J. Sharpe, Eric. *Comparative Religion*. London: Gerald Duckworth & Company Ltd., 1975.
- Knitter, Paul F. *No Other Name*. London: SCM Press Ltd., 1985.
- Knitter, Paul F. "Toward a Liberation Theology of Religions." In *The Myth of Christian Uniqueness*, by Paul F. Knitter. New York: Orbis Book, 1987.

- Knitter, Paul F. "Towards A Liberation Theology of Religions." In *The Myth of Christian Uniqueness*, by Paul F. Knitter. New York: Orbis Boom, 1987.
- Koterski, Joseph. "Religion as the Root of Culture." *The Proceeding of the Wethersfield Institution*. Ignatius Press, 1993. 16-25.
- Parrinder, Geoffrey. *Comparative Religion*. New York: Greenwood Publication, 1975.
- Richards, Glyn. *Towards a theology of Religions*. London & New York: Routledge, 1989.
- . *Towards a Theology of Religions*. New York & London: Routledge, 1989.
- Roukanen, Milkka, *The Catholic Doctrine Of Non-Christian Religions (According to the Second Vatican Council)*, Leiden: E.J.Brill, 1992
Smith, Wilfred Cantwell. *The Meaning and End of Religion*. Minneapolis: Fortress Press, 1991.
- . *Towards a World Theology*. London: Macmillan Press, 1989.
- Thoha, Anis Malik, *Tren Pluralisme Agama*, Jakarta:Perspektif, 2005.
- Wiggins, James B. *In Praise of Religious Diversity*. London: Routledge, 1996.
- Yousif, Ahmed F. "Studying the Other: Challenges and Prospects of Muslim Scholarship on World Religions." *Studies In Contemporary Islam*, 2000: 1-27.